

Bahasa Melayu Tahun 3
Unit 23 : Budaya Usahawan

Nota Ayat Seruan :

1. Kata Seru ialah kata yang menyatakan perasaan seseorang seperti marah, sakit, gembira, kagum, terkejut, takut dan sebagainya.
2. Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan.
3. Ayat seruan perlu diletakkan kata seru di depan ayat, tanda koma (,) selepas kata seru dan tanda seru (!) di akhir ayat seruan.

Latihan

Lengkapkan tanda baca yang betul dalam ayat di bawah.

1. Hai ____ Nabila ____
2. Amboi ____ besarnya rumah kamu ini ____
3. Aduh ____ sakitnya kepala saya ____
4. Nah ____ ambil wang saku ini ____
5. Oh ____ kamu rupanya pemenang pertandingan itu ____

Padankan ayat dengan kata seru yang sesuai.

Butik Pilihanku

	Hai, Puan Zalleha! Jemput masuk.
	Amboi , _____ _____
	Wah , _____ _____
	Nah , _____ _____
	Eh , _____ _____
	Syabas , _____ _____

puan telah berjaya menjadi pereka fesyen terkenal!

ini Puan Humaira pemilik butik ini!

cantiknya baju di butik ini!

puan boleh lihat dan pilih rekaan baju dalam majalah ini!

lembut betul kain baju ini!